



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 10 NOVEMBER 2020**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2.	PERKASA PERTANIAN, AGROMAKANAN, SH -ONLINE GOVT DECLARES 17 VARIETIES OF PADI SEEDS SINCE 2008, THE BORNEO POST - ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
3. 4. 5.	PENAHAN PEMANAH DASAR LAUT, K2, KOSMO -19 CIKGU ZUBIR AQUAMAN RAIH HASIL LAUT DENGAN MEMANAH, K2, KOSMO -20 TRADISI YANG PERLU DIKEKALKAN, K2, KOSMO -21	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
6. 7. 8. 9.	MARDI, IPT USAHA TAMBAH BENIH PADI, DEWAN RAKYAT, HM -17 43.2 PERATUS PESAWAH SEMENANJUNG GUNA BENIH MARDI SIRAJ 297, NASIONAL, BH -15 17 JENIS VARIETI BENIH PADI DI MALAYSIA, NEGARA, KOSMO -7 MARDI PERLUKAN 6 TAHUN HASILKAN BENIH PADI SAH, HM -ONLINE	INSTITUT KEMAJUAN DAN PENYELIDIKAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
10.	MAMPU JANA RM1 JUTA SETAHUN, HM -ONLINE	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU (KADA)
11.	PROGRAM KEBUN KOMUNITI JIMAT PERBELANJAAN DAPUR, WANITA & KELUARGA, BH -35	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
12.	AGROBANK KOMITED LAKSANA INISIATIF BELANJAWAN 2021, BISNES, BH -38	AGROBANK
13. 14.	JURUTERA JADI PENTERNAH PUYUH, GAYA TANI, UM -24 BERMULA DENGAN ENAM REBAN, GAYA TANI, UM -25	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/11/2020	SINAR HARIAN	ONLINE	

Perkasa pertanian, agromakanan



Ronald (kanan) melakukan tinjauan mesra Projek Pertanian Bandar Komuniti Perumahan Awam Seri Perlis 2 Keramat, Kuala Lumpur pada 16 Jun lalu.

SHAH ALAM - Belanjawan 2021 yang dibentangkan Menteri Kewangan, Senator Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz pada Jumaat lalu dilihat begitu inklusif kerana dirangka berdasarkan tiga matlamat induk iaitu kesejahteraan rakyat, kelangsungan perniagaan dan ketahanan ekonomi.

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) yang diterajui Datuk Seri Dr Ronald Kiandee memperoleh peruntukan berjumlah RM4.790 bilion untuk terus memperkasa sektor pertanian dan agromakanan termasuk akuakultur.

Dana itu melibatkan peruntukan sebanyak RM1.512 bilion bagi pembangunan dan RM3.278 bilion untuk perbelanjaan mengurus.

Di bawah matlamat kesejahteraan rakyat, menerusi Strategi Kedua belanjawan iaitu untuk memelihara kebajikan golongan rentan, kerajaan memberi penekanan di bawah Langkah 3 yang menumpukan bantuan kepada petani, peladang dan nelayan yang berada di bawah kementerian tersebut.

Menerusi pembentangan Belanjawan 2021, Tengku Zafrul berkata, sebanyak RM1.7 bilion disediakan dalam bentuk subsidi, bantuan dan insentif khusus kepada golongan petani dan nelayan.

Menurutnya, daripada jumlah tersebut, ia melibatkan subsidi harga padi sebanyak RM570 juta, subsidi dan insentif tanaman padi berjumlah RM960 juta termasuk subsidi baja padi bukit yang diperkenalkan semula sebanyak RM40 juta.



Ronald (kanan) dan Timbalannya, Datuk Seri Ahmad Hamzah (tengah) melawat projek ternakan udang harimau di Sebatu, Melaka pada 5 Julai lalu.

"Semua bantuan ini dijangka dapat memanfaatkan lebih 300,000 pesawah di seluruh Malaysia termasuk penanam padi bukit di Nabawan, Sabah dan Kanowit, Sarawak.

"Selaras dengan pengumuman Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, elaun sara hidup nelayan juga dinaikkan daripada RM250 kepada RM300 sebulan bermula pada tahun 2021 dan lebih 40,000 nelayan akan menikmati bantuan ini melibatkan peruntukan sebanyak RM151 juta," katanya.

Sementara itu, Tengku Zafrul berkata, di bawah Matlamat Kedua Belanjawan 2021 yang menekankan kelangsungan perniagaan, kerajaan menerusi Strategi 2 iaitu untuk memperkukuh sektor-sektor tumpuan memberi perhatian terhadap langkah

pemeriksaan sektor pertanian serta industri makanan yang merangkumi tujuh inisiatif utama.

Katanya, menerusi inisiatif pertama iaitu peluasan Program Kebun Komuniti kepada komuniti separa bandar dan luar bandar, kerajaan memperuntukkan sebanyak RM30 juta.

Program yang bakal memanfaatkan kira-kira 60,000 peserta itu menyediakan peralatan seperti kit fertigasi dan media tanaman bernilai sehingga RM500 bagi setiap individu atau RM50,000 bagi setiap komuniti.

"Bagi inisiatif kedua berkaitan pelaksanaan projek pertanian organik peringkat komuniti, kerajaan memperuntukkan sebanyak RM50 juta dan dijangka dapat memanfaatkan seramai 1,000 komuniti.

"Menerusi pelaksanaan Program Ladang e-Satelit, peruntukan RM10 juta diberikan secara geran padanan sehingga RM30,000 kepada setiap Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) bagi tujuan pembelian peralatan pertanian berasaskan Internet of Things termasuk dron.

"Program ini dijangka boleh memanfaatkan lebih 300 PPK dengan keahlian hampir sejuta petani dan peladang," katanya.

Selain itu, Tengku Zafrul berkata, sebanyak RM150 juta disediakan melalui Agrobank bagi pembiayaan di bawah Program Pemodenan Vessel dan Mekanisasi Tangkapan sehingga RM5 juta pada kadar 3.5 peratus bagi tempoh 10 tahun kepada nelayan zon A dan zon B untuk menaik taraf peralatan, pukat dan bot.

Menurutnya, pembiayaan di bawah Program Modernisasi Rantai Nilai Agromakanan sehingga RM1 juta pada kadar 3.5 peratus bagi tempoh 10 tahun kepada pengusaha perta-nian untuk perolehan peralatan dan teknologi berteraskan IR4.0 turut diberikan dengan nilai peruntukan berjumlah RM60 juta melalui Agrobank.



Ronald (kiri) melihat proses pembungkusan nanas di Pusat Pengumpulan, Pemprosesan dan Pembungkusan Kulim Pineapple Farm (KPF) di Ulu Tiram, Johor Bahru pada 4 Julai lalu.

"Melalui inisiatif keenam iaitu pelaksanaan Program Pengembangan Akuakultur, kerajaan memberi peruntukan RM10 juta secara geran pada-nan sehingga RM20,000 kepada pengusaha mikro bagi membeli peralatan untuk mengembangkan ternakan akuakultur bernilai tinggi.

"Bagi inisiatif terakhir iaitu pelaksanaan projek pertanian dan penternakan berimpak serta bernilai tinggi, sebanyak RM100 juta diperuntukkan melalui kerjasama dengan kerajaan negeri seperti projek tanaman nanas di Johor dan ternakan udang galah di Negeri Sembilan," katanya.

Sementara itu, Ronald menyifatkan peruntukan RM4.79 billion melibatkan aspek pembangunan (RM1.51 billion) dan perbelanjaan mengurus (RM3.28 billion) kepada Kementerian itu menunjukkan keprihatinan kerajaan kepada pembangunan sektor agromakanan sebagai sektor ekonomi yang penting kepada negara.

Menurutnya, peruntukan pembangunan yang lebih tinggi diberikan pada tahun 2021 dijangka dapat memenuhi keperluan Kementerian untuk melaksanakan perancangan dan projek bagi memperkasakan sektor agromakanan negara serta memastikan kebajikan petani, penternak dan nelayan serta usahawan tani terus terpelihara.

Katanya, di bawah perbelanjaan mengurus, pihaknya menerima RM1.72 billion bagi pemberian subsidi, insentif dan bantuan untuk petani dan nelayan pada tahun 2021 yang antara lain akan meningkatkan daya saing pengeluaran padi dan beras menerusi peningkatan produktiviti, kualiti dan kecekapan, selain meringankan beban mereka khususnya dalam keadaan ekonomi mencabar.

Selain itu, pihaknya menerima peruntukan sebanyak RM410 juta bagi pelaksanaan tujuh inisiatif utama di bawah program-program yang diatur kementerianya.

"Kementerian akan terus memainkan peranan penting bagi melaksanakan Belanjawan 2021 dengan efektif," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/11/2020	THE BORNEO POST	ONLINE	

Govt declares 17 varieties of padi seeds since 2008

KUALA LUMPUR: The government has declared 17 varieties of padi seeds since 2008 with 15 varieties produced by the Malaysian Agricultural Research and Development Institute (Mardi), while two varieties were produced by Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Agriculture and Food Industries Minister Datuk Seri Dr Ronald Kiandee said the varieties are made up of normal or inbred padi, fragrant padi, colour padi, herbicide-resistant padi and aerobic padi.

"Currently, the most popular padi seed variety among padi farmers is the Mardi Siraj 297 which was declared in 2016, accounting for 43.2 per cent of padi farmers in Peninsular Malaysia.

"Apart from that, other padi seed varieties which are demanded by padi growers is the MR 220 CL-2 (declared in 2010), MR 269 (declared in 2012) as well as MR 303 and MR307 both declared in 2018," he told the Dewan Rakyat question and answer session yesterday.

Kiandee said this when replying to a question by Datuk Johari Abdul (PH-Sungai Petani) who wanted to know how many new varieties of padi have been produced by research centres since 2008 to date and if there are, where could they be planted and how much is the yield per hectare.

Elaborating further, Kiandee said the potential yield of all the varieties of padi is between six and nine tonnes per hectare depending on the locality and management package used by the growers.

"Apart from that, the performance of the MRQ 76 fragrant variety declared in 2010 is around five tonnes per hectare," he said.

According to him, Mardi has also produce two new varieties, MR 315 (white rice variety with yield of between seven and nine tonnes per hectare and is suitable to be planted in padi land or outside of padi land) and MRQ 104 (fragrant rice to meet the production of local fragrant rice now using MRQ 76).

"This is as an additional choice to farmers and millers as this special rice has a high demand locally. Both new varieties are being breed and would be declared when there are sufficient padi seeds for the 2021/2022 main season," he said.

Meanwhile, he said the ministry through Mardi and other related agencies as well as higher institutions of learning are proactively developing new varieties of padi seeds by taking into consideration the changing environment to increase padi output.

"The ministry is committed to improve the production of rice in the country through research and development (R&D) for new padi varieties to ensure the Self-Sufficiency Level (SSL) is achieved up to 73 per cent as outlined in the 12th Malaysia Plan (12MP) strategy paper for the padi industry.

"The government is also focusing on raising public expenditure and investment for agricultural R&D including ensuring the sustainability of new variety output to improve production efficiency and productivity of agricultural products in future," he said.

In this regard, Kiandee said the production of recognised national padi seeds at the moment through nine approved padi seed producers approved by the government is at the level of 74,000 tonnes for each season and the requirement of padi farmers nationwide is 72,000 tonnes. – Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/11/2020	KOSMO	K2	19



SELASA 10.11.2020

K2

Menyelami
Hidup Andai

Panahan pemanah dasar laut

PENYELAM dan pemanah dasar laut di Semporna, Sabah, Zubir Osman atau dikenali sebagai Cikgu Zubir Aquaman mampu meraih sehingga 30 kilogram hasil hidupan laut menggunakan kaedah menyelam sambil memanah yang menjadi tradisi erak ketuannya sama bajau.

Kosmo!

Rencana
UtamaOleh
SAIRUL ZAMRI
MISRANI

Cikgu Zubir Aquaman raih hasil laut dengan memanah

SEAWAL pukul 7 pagi, susuk tubuh lelaki berketinggian hampir 170 sentimeter itu sudah kelihatan di jeti bersama beberapa barangan peribadi.

Sama seperti pagi-pagi lain pada hujung minggu, Zubir Osman anak kelahiran Pulau Omdal, Semporna, Sabah itu ada misinya tersendiri.

Tujuannya adalah satu, untuk mencari dan mendapatkan seberapa banyak hidupan laut sekali gus mengisi masa lapang bersama rakan-rakan.

Namun, berbeza dengan nelayan atau penangkap hasil laut lain di Semporna, lelaki berusia 50 tahun itu akan menyelam ke dasar laut untuk mendapatkan hasil hidupan laut dengan cara memanah berasaskan kaedah lebih moden sesuai dengan faktor keselamatan di laut pada zaman ini.

Berbekalkan sebatang panah atau dipanggil 'pana' diperbuat daripada besi bermutu tinggi dan taban karat serta barb, magazine, rail dan tali, lelaki itu mula menelusuri kedalaman laut dari atas bot.

"Ditakdirkan anak-anak etnik Sama-Bajau tidak kira lelaki atau perempuan sejak kecil mesti pandai berenang, begitu juga saya.

"Kebanyakan penempatan etnik ini berada di pinggir laut atau di pulau-pulau. Kerana intimnya kami dengan laut, maka anak-anak Sama-Bajau memilik pelbagai kemahiran misalnya menyelam, berenang selain pelbagai aksi melompat ke dalam laut," katanya membuka bicara bersama K2.

Menurutnya, keupayaan mengendalikn tubuh dan minda di dalam laut merupakan kemahiran wajib bingka kaum mereka diberikan pelbagai jolokan seperti gipsi laut dan seafarer. Rakan-rakan dan segelintir komunitinya mengelarkan Zubir sebagai Aquaman Semporna kerana kepakarannya menyelam dan memanah di dasar laut. Cerita Zubir yang merupakan Guru Penolong Kanan di Sekolah Menengah Kebangsaan Tagasan, Semporna, murid-murid di sekolahnya juga memanggilnya Cikgu Zubir Aquaman.

Lokasi memanah

Jelasnya, bagi seorang penyelam dan pemanah, peralatan seperti tipara (gagal berbentuk bulat) merupakan alat paling utama dan asas selain ditemani pana tanpa menggunakan snorkel (alat bantuan pernafasan mulut).

"Apabila penyelam memakai tipara, bukaan mata mereka akan menjadi lebih besar dan pandangan bertambah jelas.

"Ia sekali gus menyebabkan retina dan otak mengadaptasi persekitaran dengan lebih sophisticated dan mangsa (hidupan laut) dapat dilihat dengan lebih jelas," tuturnya.

Zubir menerangkan, pada masa dahulu para penyelam Sama-Bajau hanya memakai seluar pendek tanpa memerlukan peralatan moden selain

ZUBIR menyatakan penyelam dan pemanah juga perlu mempunyai kekuatan untuk mendaratkan hasil tangkapan yang berat dan besar. - KOLEKSI ZUBIR OSMAN



berbekalkan sebatang panah seperti tombak dan berkaki ayam. Namun, keadaan itu berubah seiring peredaran zaman dan keadaan laut yang semakin berbahaya menyebabkan peralatan moden digunakan.

Bapa kepada lima cahaya mata itu berkata, dia juga pada zaman remajanya menyelam secara tradisional dan mengakui kini hampir tiada lagi yang mempraktikkan kaedah lama itu.

Menyentuh mengenai peralatan moden, ia termasuklah penggunaan tangki oksigen selain peralatan keselamatan dan selaman lain seperti kaki itik (fin), sarung tangan dan beberapa alatan lain.

Tambahnya, persediaan yang paling utama adalah dari aspek kesihatan tubuh badan meliputi penglihatan mata yang jelas selain teknik pernafasan yang mantap.

"Tidak dinafikan, ada dalam kalangan etnik kami yang mampu menyelam dengan hanya menggunakan satu tarikan nafas dan berjaya menyelam sedalam 20 meter (m) di dasar laut tanpa menggunakan sebarang peralatan moden hingga 30 minit lamanya," ujarnya yang mengakui belum mencapai tahap tersebut.

Tambahnya, sebelum penyelam dan pemanah dasar laut turun ke laut, beberapa aspek lain seperti pemilihan lokasi memanah turut perlu ditentukan mengikut keadaan air laut semasa.

Secara umumnya, terdapat empat kategori selaman yang

ZUBIR sedang beraksi di dasar laut sambil dikelilingi pelbagai spesies ikan.



INFO

Cikgu Zubir Aquaman Semporna

- Mula menjadi penyelam dan pemanah sejak kecil
- Dilahirkan di Pulau Omdal, Semporna dan berketurunan etnik Sama-Bajau
- Menyelam dan memarah hidupan laut untuk dijadikan sumber makanan buat keluarga
- Masih bergiat secara aktif terutama pada hujung minggu dan cuti sekolah
- Menjadi guru sejak tahun 1994 selepas tamat pengajian di peringkat Ijazah sarjana muda di Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang

disesuaikan dengan kawasan seperti reef spearfishing, deep spearfishing, blue ocean spearfishing dan night spearfishing.

"Bagi reef spearfishing, ia biasanya terletak di kawasan terumbu karang berhampiran bating pasir dengan kedalaman antara dua hingga 10m menggunakan teknik tarikan satu nafas atau dikenali apnea.

"Kebiasaannya, jenis ikan yang berjaya diraih hasil panahan ini adalah jenis kerapu, belanak, baronang, pari berblasa, bayan, udang kara dan pelbagai spesies ikan terumbu karang.

"Berbeza deep spearfishing, kaedah ini kebiasaannya menggunakan bantuan tangki oksigen yang mencecah kedalaman 10 hingga 40m serta memerlukan penyelam turun ke laut secara kumpulan kecil dengan membawa peralatan dikenali sebagai stinger, sejenis alat bak peluru yang akan dimasukkan ke dalam insang ikan agar hidupan tidak terlepas," ujarnya.

Tambahnya, bagi blue ocean spearfishing pula, ia hampir sama



ANTARA hasil tangkapan Zubir yang diraih dengan menggunakan kaedah memarah.



ZUBIR bersama hasil tangkapannya.

dengan reef spearfishing, namun tertumpu di kawasan laut dalam dan jenis ikan yang lebih besar menjadi sasaran seperti tenggiri, baraccuda dan giant trevally, manakala night spearfishing pula memerlukan keberanian memarah pada waktu malam ditemani lampu suluh kalis air dengan kedalaman laut mencecah dua hingga 10m.

Cabaran

Kebiasaannya, jika bernasib baik dan mempunyai rezeki, dia boleh meraih kira-kira 10 hingga 50 kilogram (kg) hasil panahan meliputi pelbagai jenis ikan setiap kali turun ke laut.

Menurutnya, hasil tangkapan yang diperolehi tidak akan dijual sebaliknya untuk dimakan sendiri dan diberikan kepada ahli keluarga terdekat agar sama-sama dapat menikmatinya.

Menyentuh mengenai cabaran, graduan lulus Sarjana Muda Komunikasi dari Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang itu tidak menyangkal pasti ada cabaran tersendiri buat penyelam dan pemanah dasar laut.

Jelasnya, memarah memerlukan kecekalan, kekuatan semangat dan

stamina serta kesiapsiagaan yang benar-benar tinggi.

Ujarnya, bukan setakat perlu mahir dan cekap memetik picu (trigger) semasa menghalakan panah pada 'mangsa', bahkan harus bersedia untuk mengerah kudrat mendaratkan ikan tersebut.

"Pemanah terpaksa menggunakan sekuat tenaga bagi melawan beberapa jenis ikan yang terkenal dengan sifat agresifnya seperti tenggiri, kerapu dan giant trevally tatkala anak panah berjaya menembusnya.

"Pemanah harus sedar bahawa bahaya sentiasa ada misalunya air berkeladak dan jarak penglihatan agak kabur, arus kuat, air pusing, ombak kuat, angin kencang, batu karang beracun dan lain-lain bahana," tuturnya yang memberitahu mengikut undang-undang masa kini, pemanah dasar laut juga perlu memiliki kelulusan penggunaan senjata daripada pihak berwajib.

Tambah Zubir, paling menakutkan bagi pemanah dan penyelam tradisional dasar laut ialah serangan ikan yu walaupun ia agak jarang berlaku.

Berkongsi pengalaman cemas yang tidak mungkin dilupakan sebagai pemanah dasar laut, dia pernah ditarik ikan jenis tenggiri seberat 35kg sejauh hampir 100 meter ke tengah laut, namun berjaya melawan semula menggunakan kudrat serta teknik tertentu.

Bagi Zubir, walaupun arus pemodenan begitu pesat pada masa kini, tradisi serta adat sejak ratusan tahun wajib dikekalkan termasuklah mencari rezeki menggunakan kaedah memarah.

Ini kerana, memarah merupakan antara cara menangkap ikan paling semula jadi kerana sasarannya cuma satu selain tidak merosakkan hidupan marin lain termasuk terumbu karang berbanding penggunaan pukuk, bom dan racun sianida.

Katanya, memarah ikan sewajarnya dijadikan sukan ekstrem selain berfaedah untuk kelestarian sumber alam bagi jangka panjang.

"Di Malaysia, sukan memarah ikan di dalam laut masih asing, namun tidak di beberapa negara lain seperti Qatar, Maldives dan New Zealand yang mengiktiraf memarah ikan sebagai sukan berprestij," katanya.



HON JUNG

Tradisi yang perlu dikekalkan

TANGGUNGJAWAB memulihara hidupan laut termasuk pelbagai jenis spesies ikan dan terumbu karang harus dipikul dan dimalkan secara bersama.

Pensyarah Institut Akuakultur Tropika dan Perikanan, Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Dr. Liew Hon Jung berkata, tanggungjawab itu perlu dipupuk dalam diri agar akhirnya tidak memberi impak kepada ekosistem semula jadi hidupan laut tersebut.

"Dewasa ini, banyak pihak tidak bertanggungjawab secara sesuka hati dan tanpa rasa bersalah menggunakan pelbagai alatan dan teknologi canggih sekali gus memberi ancaman kepada kepupusan fauna itu.

"Misalnya menggunakan pukuk tarik, bom ikan dan tidak kurang juga racun sianida. Walaupun hasil diperolehi banyak dan lumayan serta tidak memerlukan masa lama, namun sebaliknya ia boleh memusnahkan serta merencatkan kehidupan ekosistem," katanya kepada K2.

Mengulas mengenai Zubir Osman yang merupakan salah seorang pemanah dasar laut etnik Sama-Bajau, Hon Jung menyatakan, memarah kaedah paling kurang memberikan impak kepada lautan sekali gus dianggap tradisi unik yang perlu dikekalkan.

"Memanah ikan yang dimalkan oleh etnik Sama-Bajau secara tradisi tanpa peralatan canggih adalah cara tangkapan atau tuai hasil laut paling lestari. Cara ini tidak mengakibatkan impak kerosakan yang besar terhadap berbanding penggunaan pukuk, bom dan racun sianida.

Tambahan, hanya ikan bersaiz besar lazim dijadikan sasaran dan haiwan kecil akan terus membesar di lautan," katanya.

Pun begitu katanya, aspek keselamatan perlu sentiasa dititikberatkan selain mendapat kebenaran menggunakan panah yang dikategorikan sebagai senjata berjadual sebelum menyelam ke dasar laut.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/11/2020	HARIAN METRO	DEWAN RAKYAT	17

Mardi, IPT usaha tambah benih padi

Kuala Lumpur: Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Mardi) bekerjasama dengan institusi pengajian tinggi (IPT) tempatan untuk mengeluarkan lebih banyak benih padi yang sesuai ditanam di negara ini.

Untuk itu, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) mengalu-alukan pelbagai pihak dalam industri tampil membantu menghasilkan benih padi asas untuk kegunaan petani.

Menterinya, **Datuk Seri Dr Ronald Kiandee** berkata, Mardi memerlukan tempoh antara lima hingga enam tahun untuk mengeluarkan benih padi sah.

Katanya, ia merangkumi pengeluaran benih asas, benih daftar dan benih sah.

"Jika ada industri yang berkemampuan, kementerian mengalu-alukan sumbangan mereka untuk meningkatkan industri benih padi ini," katanya ketika sesi pertanyaan dan jawab lisan di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau menjawab soalan tambahan **Datuk Johari Abdul (PKR- Sungai Petani)** mengenai usaha kerajaan menghasilkan

benih padi sendiri.

Katanya, terdapat 17 jenis varieti benih padi diisytihar oleh kerajaan sejak 2008 dan daripada jumlah itu, 15 varieti dihasilkan oleh Mardi manakala dua varieti dihasilkan oleh Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

"Varieti benih padi ini terdiri daripada padi biasa atau inbred, padi wangi, padi warna, padi rintang racun herba dan padi aerobik.

"Pada masa kini varieti benih padi yang mendapat sambutan yang baik oleh pesawah ialah Mardi Siraj 297, diisytihar pada 2016, yang dianggarkan 43.2 peratus digunapakai oleh pesawah di Semenanjung Malaysia," katanya.



DR Ronald

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/11/2020	BERITA HARIAN	NASIONAL	15

43.2 peratus pesawah Semenanjung guna benih MARDI SIRAJ 297

Kuala Lumpur: Sebanyak 43.2 peratus pesawah di Semenanjung menggunakan varieti benih padi MARDI SIRAJ 297 yang diperkenalkan pada 2016.

Varieti benih padi MR 220 CL-2 yang diisytihar pada 2010, selain MR 269 (diisytihar pada 2012) serta MR 303 dan MR 307, masing-masing diperkenalkan pada 2018, turut mendapat permintaan pesawah.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, berkata potensi hasil semua varieti padi biasa itu antara enam hingga sembilan tan sehektar, bergantung kepada lokaliti dan pakej pengurusan digunakan pesawah.

Katanya, terdapat 17 jenis varieti benih padi diisytihar kerajaan sejak 2008, masing-masing 15 varieti dihasilkan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), manakala dua lagi dihasilkan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Varieti benih padi itu terdiri daripada padi biasa atau inbred, padi wangi, padi warna, padi rintang racun herba dan padi aerobik.

"Prestasi hasil bagi varieti padi wangi MRQ 76 diisytihar pada 2010 adalah antara lima tan sehektar. Program Sawah Berskala Besar (SBB) diterajui Felda Global Ventures (FGV) sedang membiak benih varieti ini bagi menjamin kecukupan benih padi kepada pesawah kontrak terbabit dalam program ini.

"Benih padi kajian ditanam di kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA), Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (AIDA) Barat Laut Selangor dan Seberang Perai serta FELCRA," katanya pada sesi lisan di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau menjawab soalan Datuk Johari Abdul (PH-Sungai Petani) yang meminta kementerian menyatakan jenis padi baharu dihasilkan pusat penyelidikan, sejak 2008.

Dalam pada itu, Ronald berkata, MARDI turut menghasilkan dua varieti benih padi baharu, iaitu MR 315 dan MRQ 104.

Katanya, MR 315 adalah varieti padi biasa atau beras putih biasa dengan potensi hasil antara tujuh ke sembilan tan sehektar dan sesuai ditanam di seluruh jelapang dan luar jelapang.

"MRQ 104 adalah varieti padi wangi atau beras wangi dihasilkan untuk memenuhi keperluan penghasilan beras wangi tempatan yang pada masa ini menggunakan varieti padi wangi MRQ 76," katanya.

17 jenis varieti benih padi di Malaysia

PETALING JAYA – Terdapat sebanyak 17 jenis varieti benih padi diisytihar oleh kerajaan sejak tahun 2008 yang boleh digunakan secara sah oleh pesawah untuk ditanam.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee berkata, varieti benih padi itu terdiri daripada padi biasa, padi wangi, padi warna, padi rintang racun herba dan padi aerobik.

“Sebanyak 15 varieti padi ini dihasilkan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) dan dua dihasilkan Universiti Kebangsaan Malaysia.

“Varieti benih padi yang men-

dapat sambutan baik oleh pesawah ketika ini adalah MARDI SIRAJ 297 yang diisytihar pada tahun 2016. Sebanyak 43.2 peratus pesawah di Semenanjung Malaysia dianggarkan menggunakan varieti ini,” katanya pada sidang Dewan Rakyat semalam.

Beliau menjawab soalan Datuk Johari Abdul (PH-Sungai Petani) tentang benih padi baharu yang telah dihasilkan oleh pusat-pusat penyelidikan sejak tahun 2008.

Dalam pada itu, Kiandee berkata, MARDI telah menghasilkan dua varieti benih padi baharu iaitu MR 315 dan MRQ 104.

Menurut beliau, MR 315 ada-

lah varieti padi biasa atau beras putih biasa dengan potensi hasil di antara tujuh hingga sembilan tan, sehentak dan sesuai ditanam di seluruh jelapang dan luar jelapang.

Kata beliau, MRQ 104 pula varieti padi wangi atau beras wangi yang dihasilkan bagi memenuhi keperluan penghasilan beras wangi tempatan yang pada masa ini menggunakan varieti padi wangi MRQ 76.

“Kedua-dua varieti benih padi baharu ini sedang diuji benih dan dijangka diisytihar apabila benih padi sah mencukupi pada musim utama 2021/2022,” katanya.



SEBANYAK 17 jenis benih padi diisytihar oleh kerajaan sejak tahun 2008.

- GAMBAR HIASAN

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/11/2020	HARIAN METRO	ONLINE	

MARDI perlukan 6 tahun hasilkan benih padi sah [METROTV]



Kuala Lumpur: Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) bekerjasama dengan institusi pengajian tinggi tempatan untuk mengeluarkan lebih banyak benih padi yang sesuai untuk ditanam di negara ini.

Untuk itu, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan mengalu-alukan pelbagai pihak dalam industri untuk tampil membantu menghasilkan benih padi asas untuk kegunaan petani.

Menterinya, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, MARDI memerlukan tempoh antara lima hingga enam tahun untuk mengeluarkan benih padi sah.

Menurutnya, ia merangkumi pengeluaran benih asas, benih daftar dan benih sah.

"Jika ada industri yang berkemampuan, kementerian mengalu-alukan sumbangan mereka untuk meningkat industri benih padi ini," katanya ketika sesi pertanyaan dan jawab lisan di Dewan Rakyat hari ini.

Beliau menjawab soalan tambahan Datuk Johari Abdul (PKR-Sungai Petani) mengenai usaha kerajaan untuk menghasilkan benih padi sendiri.

Menurut Ronald, terdapat 17 jenis varieti benih padi diisytihar oleh kerajaan sejak 2008 dan daripada jumlah itu, 15 varieti dihasilkan oleh MARDI, manakala dua varieti dihasilkan oleh Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

"Varieti benih padi ini terdiri daripada padi biasa atau inbred, padi wangi, padi warna, padi rintang racun herba dan padi aerobik.

"Pada masa kini, varieti benih padi yang mendapat sambutan yang baik oleh pesawah ialah MARDI SIRAJ 297, diisytihar pada 2016 yang dianggarkan 43.2 peratus digunakan oleh pesawah di Semenanjung Malaysia.



"MARDI juga menghasilkan dua varieti benih padi baharu iaitu MR 315 dan MRQ 104.

"MR 315 adalah varieti padi biasa atau beras putih biasa dengan potensi hasil di antara tujuh hingga sembilan tan sehektar dan sesuai di tanam di seluruh jelapang dan luar jelapang," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/11/2020	HARIAN METRO	ONLINE	

Mampu jana RM1 juta setahun [METROTV]



Kota Bharu: Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) memberi fokus kepada penghasilan makanan untuk melahirkan lebih ramai usahawan tani yang berjaya.

Pengerusinya Datuk Kamarudin Md Nor berkata, selain daripada padi, KADA juga giat dalam pemprosesan makanan bagi menggalakkan masyarakat terutamanya petani dan pesawah di dalam kawasan KADA terbabit dalam aktiviti berkenaan.

"Sejak 2008 sehingga kini, terdapat lebih 1,000 usahawan tani yang terbabit dalam industri makanan dan ada di antara mereka yang

pendapatannya mencecah RM1 juta setahun.

"Mereka tidak semestinya hanya memfokuskan kepada tanaman padi, tetapi boleh juga kepada tanaman lain bagi membantu meningkatkan taraf ekonomi serta menjadi usahawan tani yang berdaya saing," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas Majlis Penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang KADA 2019 yang diadakan di H Elite Design Hotel, di sini, hari ini.



Kamarudin (tengah) menyampaikan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang kepada kakitangan KADA. FOTO HAZIRA AHMAD ZAIDI

Hadir sama, Pengurus Besar KADA, Nik Roslan Idris.

Terdahulu seramai 73 kakitangan KADA menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang yang disampaikan oleh Pengerusi KADA Datuk Kamarudin Md Nor dan sebagai tanda penghargaan setiap seorang daripada mereka dihadiahkan Sijil Simpanan Premium bernilai RM1,000.

Dalam perkembangan lain, Kamarudin turut melahirkan rasa syukur di atas peruntukan yang diterima oleh Kementerian Pertanian dan

Industri Makanan (MAFI) dalam pembentangan Belanjawan 2021 pada Jumaat lalu.

"Walaupun dalam suasana pandemik Covid-19 selain ekonomi yang mencengkam kewangan negara, Belanjawan 2021 tetap disusun dengan teliti.

"Kita berharap selepas belanjawan diluluskan oleh parlimen pada tahun hadapan, KADA memperoleh peruntukan yang mencukupi untuk melaksanakan tugas utama iaitu dalam memastikan bekalan beras untuk negara dapat ditingkatkan," katanya.

Program Kebun Komuniti jimat perbelanjaan dapur

Penduduk PPRS Pinggiran Putra manfaatkan tanah kosong dengan tanaman sayur

Oleh Astol Awang
bhnews@bh.com.my

Kuantan: Inisiatif Majlis Perbandaran Kuantan (MPK) mengemukakan Program Kebun Komuniti di Projek Perumahan Rakyat Disewa (PPRS) Pinggiran Putra, di sini bukan sahaja memitamatkan perbelanjaan dapur, malah turut mengisi masa lapang suri rumah dengan lebih bermanfaat.

Dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu kesan penularan pandemik COVID-19, inisiatif itu sedikit sebanyak membantu meringankan beban peserta khususnya dalam berdepan kenaikan harga sayur-sayuran.

Penggunaan baja yang mesra alam atau bebas bahan kimia turut membantu memberi kesegaran sayur, sekaligus menjamin pemakanan sihat dalam kalangan masyarakat.

Inisiatif itu disambut baik 81 peserta yang juga penduduk PPRS Pinggiran Kota yang sebahagian besarnya wanita dalam menceburi bidang pertanian.

Bagi Siti Aishah Latif, 36 dia berterima kasih kepada MPK yang prihatin dan memberi bantuan dalam mengusahakan tanaman sayur di kawasan



Hamdan (dua dari kanan) memimpin tanaman sayur yang diberikan percuma kepada penduduk menerusi Kebun Komuniti PPRS Pinggiran Putra, Kuantan. (Foto Astol Awang/BH)

perumahan itu.

"Setakat ini, saya menanam sawi dan kailan untuk kegunaan sendiri dan turut sedekahkan kepada jiran. Sayuran yang ditanam menggunakan benih, baja dan tapak yang disediakan MPK."

"Sebaik ditawarkan menyerfai Program Kebun Komuniti, saya terus bersetuju untuk menyertainya," kata ibu kepada enam anak berusia antara dua hingga 15 tahun itu.

Siti Ramilah Ali, 44, pula berkata inisiatif itu memberi lebih ruang kepadanya untuk bercucuk tanaman yang menjadi aktiviti kegemarannya.

Katanya, menerusi program itu tanah di sekitar perumahan itu dimanfaatkan sepenuhnya dengan tanaman

Sementara itu, Yang Dipertua MPK, Datuk Hamdan Hussin, berkata bantuan itu bagi meringankan beban penduduk di PPRS Pinggiran Putra kesan penularan COVID-19.

"Saya gembira bantuan yang diberikan ini berjaya mencapai objektif dalam membantu meringankan beban peserta."

"Saya juga berbangga kerana peserta turut menanam sayur dan pokok herba yang diberikan secara percuma kepada penduduk yang dinamakan dapur komuniti."

"Kerjasama ini perlu dicitohi kerana ia juga mengeratkan lagi hubungan antara penduduk," katanya.

Terbaru, Hamdan berkata, sebanyak 2,000 anak pokok nanas disediakan kepada penduduk PPRS Pinggiran Putra untuk diusahakan.

Katanya, inisiatif MPK dengan kerjasama Lembaga Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (MPIN) Pabang itu bagi memberi peluang kepada penduduk yang berminat menceburi tanaman nanas.

"Sekiranya projek itu berjaya, kami sedia membantu peserta termasuk memasarkan nanas sebagai sumber pendapatan melalui Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA)."

"Sebagai permulaan, tanaman nanas ini hanya untuk kegunaan sendiri dan sekiranya projek ini berjaya, kita akan menambah kawasan tapak yang lebih luas."

"Kita harapkan Program Kebun Komuniti membantu peserta melakukan aktiviti sampingan serta mengisi masa lapang," katanya.

Agrobank komited laksana inisiatif Belanjawan 2021

Agrobank akan terus bekerjasama dengan Kementerian dan agensi yang berkaitan untuk menjangkau lebih ramai pelanggan serta memastikan bahawa program dan insentif yang diumumkan di bawah Belanjawan 2021 dapat dilaksanakan dengan cepat.

Penangung Tugasan Presiden merangkap Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Khadijah Iskandar, berkata pihaknya mengahai usaha kerajaan dalam memastikan Belanjawan 2021 sebagai inklusif, bertanggungjawab dan komprehensif ke arah mencapai pertumbuhan ekonomi yang berterusan.

Ini, katanya, dengan mengambil kira kepentingan semua golongan sebagai warganegara Malaysia, terutama dalam menghadapi cabaran ketika situasi semasa ekonomi yang suram saat ini.

"Agrobank menyambut baik Belanjawan 2021 bertemakan 'Teguh Kita, Menang Bersama' yang menggariskan pelbagai inisiatif, rancangan tindakan, langkah insidental dan insentif untuk mengu-

rangkan beban yang dihadapi oleh rakyat Malaysia kesan daripada penularan pandemik yang menyebabkan ketidakstabilan ekonomi," katanya dalam satu kenyataan.

Khadijah berkata, beberapa inisiatif yang diumumkan dirangka dengan baik untuk memberi manfaat kepada komuniti agro membabitkan semua kaum serta segmen utama seperti perusahaan kecil dan sederhana

Beberapa inisiatif yang diumumkan dirangka dengan baik untuk memberi manfaat kepada komuniti agro membabitkan semua kaum.

Khadijah Iskandar,
Ketua Pegawai Eksekutif
Agrobank



Agrobank sedia laksana segera inisiatif Belanjawan 2021 untuk membantu lebih ramai pelanggan menikmati manfaat. (Foto hiasan)

(PKS) serta kedua-dua kumpulan B40 dan M40.

"Inisiatif khusus yang berkaitan dengan komuniti agro merangkumi seperti penyediaan sejumlah RM95 juta menerusi Program Pembiayaan Mikro Kredit Khas khusus untuk memperkasakan usahawan wanita yang akan disalurkan melalui Agrobank dan agensi kerajaan lain.

"Penambahbaikan Bantuan Pembayaran Balik Bersasar yang kini meliputi individu kategori B40 serta M40 dan penerima sedia ada Bantuan Sara Hidup (BSH) yang mempunyai pembiayaan hingga RM150,000.

"Selain itu, peruntukan berjumlah RM150 juta di bawah Prog-

ram Pemodenan Vessel dan Memkanisasi Tangkapan yang akan disalurkan melalui Agrobank dan menawarkan pembiayaan sehingga RM5 juta pada kadar 3.5 peratus bagi tempoh 10 tahun ke atas pada nelayan di zon A dan B untuk menaik taraf peralatan pu- kat dan kapal," katanya.

Selain itu, katanya, dana berjumlah RM60 juta untuk Program Modenisasi Rantaian Nilai Agromakanan yang akan disalurkan melalui Agrobank dan menawarkan pembiayaan sehingga RM1 juta pada kadar 3.5 peratus bagi tempoh 10 tahun kepada pengusaha pertanian untuk perolehan peralatan dan teknologi ber- teraskan IR 4.0.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/11/2020	UTUSAN MALAYSIA	GAYA TANI	24



ALAT inkubator ciptaan Muhammad Hafiz untuk tujuan pengeraman telur puyuh.



ANAK puyuh yang baharu menetas hasil pengeraman inkubator.

“ Saya hanya belajar mengenai cara memternak burung puyuh dan membina reban burung puyuh dengan menonton video di YouTube.”

MUHAMMAD HAFIZ HANAFI



Foto FAISOL MUSTAFA

Jurutera jadi penternak puyuh

Oleh RAJA INTAN DIANNA RAJA AZAHAM

PELAKSANAAN Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Mac lalu untuk mengekang wabak Covid-19 memberi impak kepada banyak perniagaan apabila tidak dapat beroperasi seperti biasa.

Banyak majikan yang terpaksa memotong gaji malah menghentikan perkhidmatan pekerja-pekerjanya akibat sumber pendapatan yang tersekat.

Bagi Muhammad Hafiz Hanafi, 36, dia juga terkesan dengan PKP. Kontraktor memasang pagar ini pada mulanya buntu kerana sektor

pembinaan tidak boleh diteruskan dan dalam masa yang sama mempunyai ramal pekerja di bawahnya.

Beliau tidak sampai hati untuk memotong gaji enam orang pekerjaanya tambahan kasihan dengan mereka yang mempunyai keluarga yang perlu ditanggung.

Dari situ, timbul idea untuk dia dan adik-beradiknya membina reban burung puyuh di laman rumah keluarga, tambahan kepada hawian ternakan yang sedia ada seperti ayam, itlk, rusa dan lain-lain.

Fikirnya, daripada tidak buat apa-apa, lebih baik dia bersama-sama pekerja mengerah tenaga untuk membina reban untuk

memternak burung puyuh menggunakan apa sahaja barang yang boleh diperolehi di sekitar rumah mereka

Menariknya, Muhammad Hafiz tidak mengeluarkan kos untuk membina reban telur puyuh kerana menggunakan buluh-buluh dan kayu yang semuanya boleh di dapatkan di hutan sekitar rumah mereka.

“Saya hanya belajar mengenai cara memternak burung puyuh dan membina reban burung puyuh dengan menonton video di YouTube.

“Saya tidak mengeluarkan sebarang kos untuk bahan binaan kerana dibuat secara tradisional menggunakan buluh yang ditebang di hutan berdekatan rumah.



"Lagipun ketika PKP kita tidak boleh keluar jauh untuk ke kedai perkakasan, perlu menggunakan kreativiti untuk membinanya.

"Malah mesin pengeram telur juga kami bina sendiri dari awal," ujar Muhammad Hafiz yang mempunyai latar belakang kejuruteraan ketika di temui di rumahnya yang terletak di Sepang, Selangor, baru-baru ini.

Tambahnya, dia gemar menonton video YouTube cara memelihara burung Puyuh terutama Indonesia kerana penerangan yang jelas dan terperinci malah idea membuat reban daripada buluh juga diinspirasi daripada penggiat YouTube Indonesia.



TELUR puyuh mendapat permintaan tinggi di pasaran tempatan.



MUHAMMAD Hafiz Hanafi melakukan proses mengeram burung puyuh di enam reban miliknya di Bandar Enstek, Negeri Sembilan.

Bermula dengan enam reban

JELAS Muhammad Hafiz, pada awalnya mereka membina enam buah reban sahaja yang diperbuat daripada buluh.

"Satu reban boleh menempatkan 50 ekor burung puyuh. Saya membeli 300 ekor anak puyuh dari pembekal burung puyuh di Kelang.

"Bermula 300 ekor anak burung puyuh, kini saya memiliki 1,300 ekor burung puyuh, tidak termasuk 400 ekor anak burung puyuh yang baru menetas baru-baru ini.

"Sekarang saya mempunyai 40 reban burung puyuh dan tiga mesin mesin pengeram puyuh yang semua dibuat sendiri, bezanya kini saya menggabungkan material pagar besi daripada syarikat pembinaan pagar saya.

"Saya tidak sangka projek PKP yang pada mulanya boleh dikatakan sekadar suka-suka kini menjadi dan kini menjadi antara sumber pendapatan saya," ujarnya yang menimbang untuk mencari bantuan-bantuan yang berkaitan dengan projek penternakannya itu.

Ditanya mengapa memilih untuk memelihara burung puyuh, terang Muhammad Hafiz, berdasarkan kajiannya, pembiakan burung puyuh lebih mudah dan cepat iaitu 45 hari sahaja untuk matang berbanding ayam yang mengambil masa tiga hingga empat bulan.

Malah permintaannya juga tinggi kerana tidak ramai yang memelihara burung puyuh.

Walaupun projek burung puyuh yang dijalankan



BERMULA dengan 300 anak puyuh, Muhammad Hafiz kini memelihara 1,300 puyuh.

Muhammad Hafiz sejak Mac, tetapi dia hanya mula menjual telur dan burung puyuh, Oktober lalu.

Sebelum ini, semua telur yang diperoleh dieramkan, baru kini dia menjual telur dan burung puyuh.

"Kami mula menjual telur-telur burung puyuh di kedai runcit berdekatan dan juga mempromosi dalam kalangan rakan-rakan terutama di dalam menerusi kumpulan WhatsApp.

"Setiap hari kami memperoleh 400 biji telur burung puyuh dan dari situ kami akan memilih sebahagiannya untuk dieram dan sebahagian lagi untuk dijual.

"Pernah sekali kami dapat tempahan 600 biji burung puyuh, membuktikan telur burung puyuh ada permintaan yang tinggi walaupun bukan makanan harian seperti telur ayam.

"Harga yang kami jual juga rendah iaitu RM2.50 untuk 15 biji berbanding harga pasaran iaitu RM3.20, sesuai untuk mereka yang mahu berniaga.

"Untuk burung puyuh

pula, kami akan mengumpul pesanan terlebih dahulu dan baru sembelih bagi mengekalkan kesegarannya. Setiap pek mengandungi lima ekor burung puyuh dijual RM17.50," ujarnya yang turut membekalkan ke kedai makan yang menggunakan telur puyuh dalam masakan mereka seperti nasi lemak telur puyuh.

Bezanya berbanding yang biasa di pasaran ujarnya, kebanyakannya burung puyuh dijual sejuk beku dan tidak segar malah ada yang liat kerana menggunakan burung puyuh pencon.

Melihat kepada potensi penternakan burung puyuh, Muhammad Hafiz merancang untuk menjalankan penternakan dan jualan burung puyuh secara lebih serius.

Malah dia juga merancang untuk mempelbagaikan produk seperti menyediakan burung puyuh yang diperap kunyit, lada hitam dan lain-lain melihat kepada permintaan daging perap yang tinggi kerana memudahkan pelanggan.